

04 JUN 2002

Mahathir-SSB

J'KUASA GAJI KEMUKA CADANGAN BALAS KEPADA JPA, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jawatankuasa gaji dan jawatan kakitangan sektor awam hari ini mengemukakan cadangan balas kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung semakan Sistem Saraan Baru (SSB).

Perdana Menteri berkata jawatankuasa yang diketuainya itu membuat cadangan balas berkenaan setelah mendengar taklimat JPA mengenai semakan itu.

"Kita mengkaji dan membuat beberapa keputusan yang belum dapat diumumkan kerana sebenarnya kita membuat cadangan balas kepada JPA," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi keempat Majlis Dialog Belanjawan 2003 bertemakan "Memupuk Sektor Swasta yang Dinamik dan Berdaya Tahan" di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Ditanya bila pengumuman mengenai semakan semula SSB akan dibuat, Dr Mahathir berkata "Saya menunggu JPA untuk kemukakan semakan dan pihak jawatankuasa sudah memberi mandat kepada saya untuk mengkajinya sendiri dan membuat keputusan secepat mungkin."

SSB diperkenalkan pada tahun 1992, tetapi selepas beberapa tahun dilaksanakan, skim itu menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan kakitangan awam berhubung sistem kenaikan gaji dan pangkat.

Mengikut sistem matrik dalam SSB, hanya 5 peratus anggota perkhidmatan awam layak menerima pergerakan gaji secara menegak dan melintang setiap tahun.

Cuepacs menuntut sistem matrik itu dihapuskan secara automatik kerana mendakwa 95 peratus daripada anggota kakitangan awam kecewa dengan sistem itu.

Cuepacs juga telah mendesak supaya kerajaan memperkemas atau merombak SSB yang dikatakan tidak adil kepada kakitangan awam.

Awal tahun ini JPA mengemukakan laporan mengenai semakan semula SSB kepada Dr Mahathir setelah ia diperkemas oleh jabatan itu dan Cuepacs.

Bagaimanapun, Dr Mahathir mengarahkan JPA meneliti beberapa perkara yang terkandung dalam laporan awal itu kerana mendapati ia akan melibatkan anggaran perbelanjaan tambahan sebanyak RM1 bilion.

-- BERNAMA

MAM HS AKT RON